

# CABARAN DALAM MELAKSANAKAN WAKAF PENDIDIKAN BAGI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA

Suziana Mohamed Nor  
Cyberjaya Graduate School of Management and Finance  
Universiti Islam Malaysia  
[suziana@uim.edu.my](mailto:suziana@uim.edu.my)

Romzie Rosman  
Cyberjaya Graduate School of Management and Finance  
Universiti Islam Malaysia  
[romzie@uim.edu.my](mailto:romzie@uim.edu.my)

## ABSTRAK

*Wakaf pendidikan di Malaysia merupakan satu instrumen yang berpotensi untuk membantu Institusi Pengajian Tinggi bagi memperkukuhkan sistem kewangan, pembangunan dan frasarana institusi tersebut selain bergantung daripada dana yang diperuntukkan oleh kerajaan. Ia juga membantu dalam meningkatkan ekonomi negara dengan memperbanyak dan melaburkan aset wakaf sehingga manfaatnya dapat digunakan oleh pihak-pihak yang memerlukan. Bagi menjamin manfaat atau hasil wakaf tersebut dapat digunakan dengan sebaiknya, governan wakaf perlu diurus tadbir dengan strategi yang betul dan sistematik. Governan wakaf pendidikan yang dilaksanakan oleh Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia berada ditahap yang sederhana berikutan instrumen wakaf pendidikan yang dilaksanakan masih baru. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah menyediakan buku panduan yang dikenali sebagai Enhancing University Income Generation. Endowment & Waqf : University Transformation Programme, Purple Book sebagai garis panduan kepada Institusi Pengajian Tinggi untuk melaksanakan governan wakaf mengikut kesesuaian institusi tersebut. Kajian ini fokus kepada halangan atau cabaran dalam melaksanakan wakaf pendidikan bagi Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian yang bersifat kualitatif dan kaedah yang digunakan melibatkan temubual bersama pakar mengenai wakaf dan analisis dokumen. Hasil dapatan kajian ini diharap dapat merintis kepada usaha yang lebih tinggi untuk memartabatkan wakaf pendidikan terhadap Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.*

**Kata kunci:** *Wakaf pendidikan, Cabaran, Institusi Pengajian Tinggi*

## 1.0 Pendahuluan

Wakaf merupakan mekanisma yang sangat berkesan dalam meningkat dan memartabatkan tahap ekonomi negara. Wakaf merupakan satu cara pengagihan harta yang diberikan kepada pihak tertentu dengan niat yang tertentu dan untuk dimanfaatkan secara berterusan (Mohd Mizan Mohammad Aslam & Wan Mohd Dhaiyudeen Helmy Wan Mohar, 2015). Dalam era semasa, institusi wakaf mempunyai potensi yang besar dalam membangun ekonomi masyarakat. Usaha untuk mengumpul harta wakaf adalah merupakan satu pendekatan yang relevan dan berciri dinamik dalam menyusun masyarakat dan seterusnya membangun kekuatan ekonomi seperti mana terdapat di dalam hadith Nabi S.A.W (Sahīh Muslim, Kitāb al-Wasiyyah , Bāb Mā Yulhaqu al-Insān min al-Thawāb Ba'da Wafātih):

"إذا مات ابن آدم انقطع عمله إلا من ثلاث: صدقة جارية، أو علم ينتفع به، أو ولد صالح يدعو له"

Maksudnya :

*"Apabila mati seseorang anak Adam itu, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak yang soleh yang selalu mendoakan kepadanya"*

Masyarakat Islam umumnya sedia mengetahui peranan wakaf dalam pembangunan ummah. Wakaf boleh direncanakan untuk memajukan sektor utama dalam kehidupan masyarakat, antaranya pembangunan kerohanian, kebajikan anak yatim dan golongan tidak bernasib baik, pembinaan hospital dan penjagaan kebajikan golongan warga emas serta pembangunan pendidikan rendah, menengah dan tinggi. Potensi yang ada pada wakaf pendidikan memerlukan strategi khusus yang berkesan bagi meningkatkan peranan harta wakaf tersebut. Pelaksanaan wakaf pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi boleh diperhebatkan perkembangannya dengan pengurusan dana yang berkesan, perundangan yang kukuh, urustadbir yang baik, pemasaran yang diperhebatkan dan mengenalpasti model pengurusan wakaf yang sesuai untuk diaplikasi.

Sesebuah institusi pengajian perlu dibangunkan untuk membantu masyarakat dalam melaksanakan konteks amal jariah khususnya kepada golongan yang kurang berkemampuan untuk meringankan bebanan kewangan mereka yang menjadi salah satu faktor utama dalam menuntut ilmu. Hal ini selaras dengan hadis di atas mengenai ilmu yang bermanfaat di mana ia merupakan salah satu daripada cabang pendidikan.

## **2.0 Kepentingan Kajian**

Wakaf pendidikan pengajian tinggi merupakan instrumen yang penting dalam pembangunan pendidikan. Institusi pendidikan wakaf memiliki peranan sebagai agen pembangunan masyarakat Islam. Ia bukan sahaja menyediakan peluang kepada masyarakat untuk mempelajari Islam, malah ia merupakan institusi yang membuka ruang kepada umat Islam untuk melakukan amal kebajikan.

Selain itu, saranan bagi mewujudkan institusi pendidikan tinggi berasaskan instrumen wakaf ini bertujuan bagi membantu kerajaan seperti mana yang disuarakan oleh Timbalan Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), Mohamad Sahar Mat Din yang menyatakan bahawa bebanan kerajaan boleh dikurangkan sekiranya institusi pendidikan diwakafkan ekoran universiti-universiti kini kurang usaha untuk menjana pendapatan sendiri (Rusnadewi Abdul Rashid & Rohayati Hussin, 2014).

Kajian awal menunjukkan terdapat beberapa buah universiti luar negara yang telah mewujudkan wakaf pendidikan di dalam sistem pengurusan universiti. Antaranya ialah Universiti Al-Azhar dimana universiti ini ditubuhkan pada tahun 972 di Kaherah, Mesir. Operasinya menggunakan dana wakaf sepenuhnya sehinggalah Kerajaan Mesir dibawah pimpinan Muhammad Ali mengambil alih kawalan wakaf pada 1812 (Mokhtar Ismail, Hairullfazli Muhammad Som, Mohd. Isa Mohd. Deni & Muna Sulaiman, 2015). Universiti ini merupakan gedung ilmu yang telah berjaya melahirkan puluhan ribu cendekiawan Islam yang telah kembali kepada masyarakat untuk menabur bakti. Wakaf al-Azhar ini merupakan sebuah model institusi wakaf yang amat berjaya dan mempunyai dana yang amat besar (Noor Hisham Md Nawi & Burhan Che Daud, 2016).

Pembangunan Universiti Al-Azhar pada awalnya telah dibiayai melalui dana wakaf dan sehingga kini ia masih lagi diasaskan dan ditadbir melalui sumber wakaf. Universiti ini juga hanya menuntut pelajar membayar yuran pengajian yang amat rendah dan tidak membebankan pelajar. Konsep wakaf pendidikan yang ditonjolkan lebih kepada kesamarataan dalam menuntut ilmu dan meringankan bebanan kewangan pelajar (Mohd Mizan Mohammad Aslam & Wan Mohd Dhaiyudeen Helmy Wan Mohar, 2015).

Turki juga telah menggunakan kaedah wakaf pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi, salah satu universiti yang terkemuka yang menggunakan wakaf pendidikan ialah Fatih Sultan Mehmet Vakif University (FSMVU). Pada zaman pemerintahan Muhamad al-Fatih bin Murad, Sultan Muhammad II telah membuat perubahan dengan memastikan pusat-pusat pendidikan dibangunkan melalui sumber wakaf. Wakaf Fatih Sultan Mehmet telah ditubuhkan pada 1470 memainkan peranan yang penting dalam kehidupan dan budaya sepanjang sejarah Uthmaniyyah. Legasi ini diteruskan dengan penubuhan FSMVU pada tahun 2010 untuk meneruskan tradisi wakaf dengan menggabungkan pendidikan tradisional dengan pengetahuan kontemporari (Laman Sesawang FSMVU, 2016) .

Menurut Rusnadewi Abdul Rashid & Rohayati Hussin (2014), penyediaan institusi pendidikan tinggi melalui konsep yang sama juga telah diperkembangkan oleh masyarakat barat dan ia dikenali sebagai "endowment" dimana universiti seperti Harvard, Oxford dan Cambridge telah menggunakan konsep tersebut. Syed Mohd Ghazali Wafa (2010) menyatakan terdapat sebuah rencana melaporkan dalam tahun 2008, dana endowment di Harvard sendiri berjumlah USD36.9 billion yang terdiri daripada 11,000 dana yang berasingan.

Menurut Maffuza Salleh & Noor Syahida Abdul Rahman (2014) terdapat beberapa buah Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia yang telah melaksanakan model wakaf pendidikan seperti berikut:

- i. Dana Wakaf Ilmu Universiti Putra Malaysia (UPM), kerjasama UPM dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah dilakukan untuk mewujudkan Akaun Khas Dana Wakaf Ilmu UPM yang akan digunakan untuk penyediaan fasiliti dan prasarana bagi aktiviti keilmuan, merangkumi program pengajaran dan pembelajaran, aktiviti dakwah, penyelidikan dan inovasi serta khidmat komuniti.
- ii. Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), pusat ini ditubuhkan bagi tujuan untuk mengetengahkan kaedah wakaf dalam aspek pembiayaan pembangunan pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Islam.
- iii. International Islamic University Malaysia (IIUM) Endowment Fund, objektif penubuhan adalah untuk mengatasi masalah kewangan yang agak serius di kalangan pelajar dari luar negara. Kini pertubuhan menerima permohonan bantuan dari pelajar tempatan yang juga menghadapi masalah yang sama. Sehingga kini statistik menunjukkan bahawa bantuan kepada pelajar tempatan adalah lebih banyak lagi berbanding dengan pelajar luar negara.
- iv. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menyediakan tiga skim untuk memudahkan pihak-pihak untuk menyumbang, iaitu Skim Hadiah dan Derma UKM, Skim Waqaf Tunai UKM dan Skim Waqaf-Takaful UKM. Skim ini bertujuan untuk membantu pihak-pihak yang kurang berkemampuan dalam usaha menyambung pelajaran dan lain-lain lagi.

Akan tetapi, penulis mendapati wakaf pendidikan tidak dilaksanakan secara menyeluruh di Malaysia kerana kurangnya tahap kefahaman masyarakat terhadap konsep wakaf. Kebanyakan mereka memahami wakaf hanya pada harta tidak alih sahaja seperti hartanah, bangunan dan sebagainya. Malah mereka kurang memahami mengenai konsep wakaf harta tak alih di mana ia boleh dilaksanakan dengan lebih luas terutamanya dalam membantu institusi pendidikan di Malaysia bagi mencapai matlamat Islam dalam membantu golongan yang kurang berkemampuan dan meringankan bebanan kerajaan untuk menanggung perbelanjaan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Oleh itu, kajian mengenai permasalahan atau cabaran dalam melaksanakan wakaf pendidikan bagi Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia adalah penting kerana akan menjadi salah satu alternatif bagi melaksanakan wakaf pendidikan untuk Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia dengan berkesan dan dapat memberi impak yang positif kepada masyarakat.

### 3.0 Metodologi Kajian

Kertas kerja ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi metod temubual dan kaedah kajian kepustakaan. Penulis menggunakan teknik pengumpulan data yang biasa digunakan dalam kajian secara kualitatif iaitu penggunaan dokumen dan proses temubual. Pendekatan menggunakan satu atau lebih metod dalam proses penulisan untuk mengumpul maklumat yang diperlukan di mana pendekatan yang digunakan ialah kaedah analisis dokumen dan temu bual. Ia amat penting untuk meningkatkan kepercayaan terhadap dapatan kajian dan menentukan kesahihan (*validity*) terhadap teori yang mendasari sesuatu kajian (Alan Bryman & Emma Bell, 2007). Temu bual adalah suatu metod yang amat penting kerana ia membantu penulis meneroka dan mendapatkan maklumat kajian secara mendalam. Temu bual yang dipilih untuk kajian ini adalah berbentuk temubual separa struktur. Antara responden yang terlibat dalam kajian ini adalah wakil daripada Institusi Pengajian Tinggi yang telah melaksanakan model wakaf pendidikan, pakar berkaitan wakaf daripada kalangan ahli akademik; dan agensi yang berkaitan dengan pengurusan wakaf. Temubual telah dilakukan oleh penulis bersama beberapa orang responden yang terlibat secara langsung dengan wakaf pendidikan. Pendekatan temubual mendalam dengan responden yang pakar dengan kajian ini telah dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat terperinci berhubung cabaran dalam melaksanakan wakaf pendidikan bagi Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Responden terdiri daripada:

Bil.	Responden	Jawatan	Justifikasi	Institusi	Perincian
1	Responden I	Pengarah Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (Wazan)	Merupakan individu yang menguruskan hal ehwal wakaf, zakat dan endowment serta ahli kumpulan UniTP <i>Purple Book</i> , Kementerian Pendidikan Tinggi.	IPT I	Temubual diadakan pada 27 November 2016 bertempat di De Palma Hotel, Ampang.
2	Responden II	(Ketua) Pentadbiran Am	Merupakan salah seorang individu	IPT I	Temubual diadakan pada 10

Bil.	Responden	Jawatan	Justifikasi	Institusi	Perincian
		&Pengurusan Dana Wakaf Ilmu,	yang menguruskan hal ehwal wakaf, zakat dan endowment		November 2016 (Khamis) bertempat di Dana Wakaf Ilmu, IPT I
3	Responden III	Timbalan Pengarah Yayasan Canselor	Merupakan individu yang menguruskan hal ehwal mengenai wakaf	IPT II	Temubual diadakan pada 9 Disember 2016 bertempat di Pejabat Timbalan Pengarah Yayasan Canselor, IPT II
4	Responden IV	Timbalan Pendaftar Bahagian Dana Aset dan Wakaf,	Merupakan individu yang menguruskan hal yang berkaitan dengan Dana Aset & Wakaf	IPT III	Temubual diadakan pada 12 Oktober 2016 bertempat di pejabat Timbalan Pendaftar Bahagian Dana Aset dan Wakaf, IPT III
5	Responden V	Ketua Pegawai Eksekutif, salah sebuah koperasi.	Merupakan pakar wakaf/tokoh korporat yang terlibat dengan diskusi meja bulat mengenai buku panduan <i>UniTP Purple Book</i> , Kementerian Pendidikan Tinggi.	Koperasi	Temubual diadakan pada 17 Disember 2016 bertempat di Pejabat koperasi di Kelana Jaya, Selangor
6	Responden VI	Pegawai Bahagian Pemasaran dan Dakwah (Korporat)	Merupakan pegawai yang berurusan dengan Yayasan IPT IV mengenai hal ehwal wakaf.	Yayasan	Temubual diadakan pada 29 November 2016 bertempat di Yayasan Selangor.

Bil.	Responden	Jawatan	Justifikasi	Institusi	Perincian
7	Responden VII	Naib Presiden Akademik,	Merupakan pakar dalam bidang pengurusan perakaunan dan kewangan Islam.	IPT III	Temubual diadakan pada 15 Jun 2017 bertempat di pejabat Naib Presiden Akademik, IPT III.
8	Responden VIII	Profesor	Merupakan pakar dalam perakaunan, pengauditan dan kewangan	International Centre for Education	Temubual diadakan pada 9 Jun 2017 bertempat di Kuala Lumpur.

Manakala kaedah kajian kepustakaan atau kajian dokumen telah digunakan penulis bagi mendapatkan maklumat tentang latar belakang kajian merangkumi prinsip asas wakaf, wakaf tunai seterusnya wakaf pendidikan. Data sekunder diperoleh berdasarkan kepada buku, jurnal, tesis dan artikel yang dihasilkan oleh penulis-penulis yang berpengalaman mengenai isu yang dibincangkan.

#### 4.0 Governan Wakaf Pendidikan bagi Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia

Bagi memastikan pencapaian sesebuah organisasi dapat dilaksanakan dengan teratur dan sempurna, konsep tadbir urus atau governan adalah satu aspek asas yang amat perlu diamalkan supaya organisasi tersebut mencapai target yang diperlukan. Konsep governan menekankan kepada tanggungjawab pihak Lembaga Pengarah, sistem kawalan dalaman dan peranan audit untuk memastikan urusan niaga institusi dapat dilaksanakan dengan jayanya dan kepentingan pemilik dan pihak-pihak lain dapat dipenuhi di mana ia merupakan konsep yang kebiasaannya digunapakai oleh sektor swasta. Manakala konsep sektor awam pula governan merupakan teras bagi institusi awam untuk menjamin akauntabiliti awam dan membina integriti dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi berkenaan selaras dengan kehendak dan harapan masyarakat awam serta kepentingan negara (Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Asmak Ab. Rahman & Mohd Izani Mohd Zain, 2008).

Pihak pengurusan organisasi yang diberi amanah dan tanggungjawab tertentu perlu melaksanakan peranan dan tugas dengan penuh integriti, bertanggungjawab, telus, konsisten dan efisien melalui konsep governan yang menekankan kepada elemen-elemen asas dalam pengurusan dan menggabungkan prinsip-prinsip bagaimana keberkesanan sesebuah organisasi dalam merangka dan melaksanakan dasar, terutamanya dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Wakaf pendidikan merupakan salah satu instrumen jangka panjang yang dapat meningkatkan tahap pendidikan negara. Ia bukan sahaja dapat menuju ke arah negara maju, bahkan ia dapat menghasilkan golongan masyarakat yang berpengetahuan tinggi dalam aktiviti wakaf dan gemar menceburi aktiviti wakaf ini. Amalan ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat untuk bersama dalam membantu meningkatkan tahap pendidikan dan tahap pembangunan negara.

Wakaf pendidikan telah dilaksanakan di Malaysia, akan tetapi ia tidak tertumpu kepada kebanyakan institusi pendidikan. Untuk mengembangkan wakaf pendidikan di institusi pendidikan. MAIN memainkan peranan penting dalam pengagihan dan pembangunan sama ada di sekolah mahupun di institusi pendidikan yang lain. Urusan berkaitan harta wakaf adalah dibawah bidang kuasa MAIN yang mana mungkin menghadkan pengembangan wakaf pendidikan kepada semua institusi pendidikan berikutan memerlukan penglibatan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia atau Kementerian Pendidikan Tinggi. Pengurusan tanah wakaf merupakan tunggak utama perlu diketuai oleh individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang wakaf. Oleh itu, tanggungjawab urus tadbir bagi wakaf pendidikan perlu digalas oleh golongan yang mempunyai "mental skill" iaitu keikhlasan, kejujuran, amanah, tanggungjawab, kesungguhan dan menghayati nilai yang diamalkan di institusi (Norizan Hassan, Aisyah Abdul Rahman & Zaleha Yazid, 2013).

Melalui *UniTP Purple Book (Enhancing University Income Generation Endowment & Waqf)* (2016) Kementerian Pendidikan Tinggi telah menubuhkan satu pasukan untuk melihat dan mengkaji serta mencadangkan untuk menghasilkan satu garis panduan iaitu *UniTP Purple Book (Enhancing University Income Generation Endowment & Waqf)* sebagai salah satu kaedah atau cara untuk universiti awam di Malaysia menjana pendapatan mereka tanpa bergantung kepada dana daripada kerajaan sahaja.

Pihak Kementerian Pendidikan Tinggi juga telah menyediakan garis panduan mengenai cara pengurusan wakaf untuk universiti awam seperti berikut:

- 1) Pengurusan Wakaf Universiti mestilah dikendalikan oleh kakitangan yang kompeten, terutamanya perlu ada pengurus berwibawa.
- 2) Pengurusan Wakaf Universiti mesti membangunkan pelan strategik bagi aktiviti University Waqaf.
- 3) Pengurusan Wakaf Universiti mesti mewujudkan garis panduan Waqaf bagi Universiti untuk menggalakkan masyarakat memahami konsep wakaf.
- 4) Menerangkan dan mendidik semua pihak yang berkepentingan, terutamanya ahli-ahli daripada Lembaga Pengarah, kakitangan, pelajar, alumni dan masyarakat umum.
- 5) Mengenalpasti dan membangunkan strategi untuk menggalakkan Waqaf. Pendekatan pemasaran strategik meningkatkan kesedaran masyarakat untuk berwakaf.
- 6) Membangun dan mempromosi modul pendidikan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman dan penghayatan Wakaf kalangan orang ramai.

Garis Panduan *UniTP Purple Book* ini telah dikuatkuasakan penggunaannya pada Oktober 2016 dan kebanyakan Universiti Awam telah melaksanakan konsep wakaf pendidikan dengan merujuk kepada garis panduan yang disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi ini.

Walaupun garis panduan *UniTP Purple Book* disediakan untuk universiti awam, universiti swasta juga boleh menggunakan garis panduan ini berdasarkan kepada kesesuaian universiti tersebut. Ini bermaksud garis panduan *UniTP Purple Book* boleh digunakan oleh universiti-universiti di Malaysia tidak kira universiti awam atau swasta bagi memastikan governan wakaf pendidikan dapat dilaksanakan dengan teratur dan sistematik.

Penulis berpendapat bahawa wakaf pendidikan yang dilaksanakan di Malaysia semakin mendapat sambutan yang menggalakkan. Kebanyakan Institusi Pengajian Tinggi sama ada Awam atau Swasta telah menyedari akan kepentingan melaksanakan wakaf pendidikan disamping dalam menambah sumber pendapatan universiti dan sekaligus dapat membantu mengurangkan bebanan kerajaan untuk menampung perbelanjaan bagi Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.



## **5.0 Cabaran dalam Melaksanakan Wakaf Pendidikan bagi Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia**

Tidak dinafikan dalam usaha untuk menyemarakkan lagi aktiviti berwakaf di Malaysia pihak Institusi Pengajian Tinggi menghadapi cabaran dan halangan yang tidak dapat dielakkan dan perlu dihadapi oleh setiap Institusi ini. Menerusi temubual bersama beberapa responden yang terlibat dalam wakaf pendidikan di Malaysia, penulis mendapati terdapat beberapa cabaran dalam melaksanakan wakaf pendidikan untuk Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia seperti berikut:

### **5.1 Kefahaman Masyarakat mengenai Wakaf**

Responden I berpandangan hal ini disebabkan universiti itu sendiri masih kurang memahami akan kepentingan wakaf pendidikan. Responden V turut menjelaskan masyarakat kurang berwakaf kerana kurangnya pemahaman mengenai wakaf sekaligus menyebabkan governan wakaf tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Beliau menyatakan hal ini berpunca daripada kefahaman masyarakat tentang peranan wakaf di mana mereka lebih melihat kepada harta tak alih untuk dijadikan sebagai aset wakaf. Oleh itu, pihak-pihak yang berkepentingan perlu memberi kefahaman yang mendalam kepada masyarakat mengenai konsep sebenar wakaf.

Ahmad Zaki Abdul Latiff, Norzaidi Mohd Daud dan Che Zuina Ismail (2008) menerangkan bahawa kurangnya kepakaran dan tidak memiliki kefahaman yang mendalam mengenai bidang pengurusan institusi pendidikan wakaf mengakibatkan institusi tersebut tidak dapat berkembang pada tahap yang lebih cemerlang. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Maffuza Salleh dan Noor Syahida Abdul Rahman (2014) menguatkan lagi isu ini dengan menyatakan bahawa persepsi masyarakat terhadap isu berkaitan wakaf masih lagi cetek dan belum lagi menjadi isu yang perlu dititikberatkan oleh masyarakat kini. Oleh itu, masyarakat perlu sedar bahawa wakaf merupakan satu mekanisme yang sangat penting untuk meningkatkan taraf ekonomi negara di samping dalam membantu pihak-pihak yang amat memerlukan bantuan.

### **5.2 Pengagihan Hasil Manfaat Wakaf**

Selain itu, penulis mendapati faktor lain yang menjadi isu dalam melaksanakan wakaf pendidikan ialah mengenai peratusan hasil manfaat yang diperoleh oleh Institusi Pengajian Tinggi yang perlu diberikan kepada Perbadanan. Berdasarkan temubual yang dijalankan oleh penulis, kebanyakan responden kurang senang dengan pembahagian peratusan hasil manfaat wakaf yang disyaratkan oleh Perbadanan dalam memorandum perjanjian untuk melaksanakan wakaf di universiti. Seperti di IPT II, Responden III memaklumkan Perbadanan mencadangkan hasil manfaat sebanyak sebanyak 70% adalah milik IPT III manakala 30% merupakan milik Perbadanan dengan tujuan untuk diagihkan kepada pihak-pihak yang memerlukan. Akan tetapi, IPT III mengadakan perbincangan dengan Perbadanan dengan cadangan balas sebanyak 85% milik IPT III dan 15% akan diberikan kepada Perbadanan. Perkara ini masih dalam perbincangan antara IPT III dengan Perbadanan tersebut.

Begitu juga dengan IPT I, Responden II menyatakan cara pengagihan wakaf yang dimaklumkan oleh Perbadanan ialah 30% kos operasi, 30% labur semula dan 40% (manfaat) untuk laksanakan hasrat pewakaf. Akan tetapi Perbadanan mensyaratkan untuk mendapat 15% daripada manfaat wakaf bertujuan untuk kos pentadbiran Perbadanan (cas fi perkhidmatan) dan mengagihkan manfaat kepada pihak yang memerlukan di negeri Selangor. Tetapi IPT I masih berunding dengan pihak Perbadanan untuk mengurangkan peratus yang perlu diberikan kepada Perbadanan daripada



15% menjadi 10%. Perkara ini masih lagi dalam tindakan dan belum mencapai keputusan antara IPT I dan Perbadanan.

Penulis telah bertanya isu ini kepada wakil Perbadanan iaitu Responden VI dimana beliau menjelaskan kepada penulis bahawa 70% manfaat wakaf akan dipulangkan kembali kepada Institusi Pengajian Tinggi sebagai penerima manfaat daripada kutipan wakaf. Manakala sebanyak 30% hasil manfaat akan diberikan kepada Perbadanan atas justifikasi kuasa perbadanan boleh menerima dan mengenakan cas fi perkhidmatan kepada Institusi Pengajian Tinggi. Beliau menerangkan Institusi Pengajian Tinggi yang melaksanakan wakaf pendidikan memerlukan resit rasmi wakaf daripada Majlis Agama Islam dimana Perbadanan yang mengeluarkan resit tersebut. Oleh itu Institusi Pengajian Tinggi memerlukan resit tersebut untuk diberikan kepada pewakaf sebagai bukti mereka telah berwakaf. Ini merupakan cas perkhidmatan yang dikenakan oleh Perbadanan kepada Institusi Pengajian Tinggi. Selain itu, 30% bukanlah semata-mata untuk mengeluarkan resit itu sahaja, akan tetapi Perbadanan akan mengagihkan kepada fi sabilillah bagi negeri Selangor.

Penulis juga telah meminta pendapat daripada Responden V mengenai peratusan hasil manfaat tersebut. Beliau menyatakan:

*“Hal ini berkaitan dengan pentadbiran. Perbadanan dalam usaha untuk melestarikan operasi mereka. So Perbadanan harapkan dana yang dikumpul boleh menyumbang sedikit kepada kos pentadbiran mereka. Pada pandangan saya Perbadanan kena usaha sendiri. IPT collect sebenarnya untuk kebajikan IPT bukan untuk untung rugi. So tak perlulah cukai-cukai.”*

Pada pandangan penulis, hal ini perlu mendapat persetujuan bersama antara pihak Institusi Pengajian Tinggi dengan Majlis Agama Islam. Jika pihak pengurusan tiada persefahaman, ini boleh menjejaskan kredibiliti mereka sekaligus menjadikan masyarakat tidak memahami konsep wakaf yang sebenar disebabkan pengurusan yang tidak jelas dan tiada pertimbangan antara kedua-dua belah pihak.

### **5.3 Cara Pengurusan Wakaf**

Selain itu, isu lain yang turut menjadi halangan untuk melaksanakan wakaf pendidikan ialah mentaliti pegawai yang menguruskan wakaf tidak memainkan peranan untuk memajukan wakaf. Responden IV menjelaskan ini mungkin berpunca daripada kurang pemahaman mereka mengenai wakaf, mereka tidak mengetahui cara-cara untuk mengembang dan melaburkan aset wakaf sekaligus menjadikan aset itu lumpuh akibat tidak dimanfaatkan dengan sebaiknya.

Responden V menekankan perlunya ada kelompok pakar kewangan, pengurusan korporat, pengurusan perniagaan dalam Lembaga Pengarah tersebut. Dari sudut operasi pula perlu ada kepakaran dalam pengurusan dan pengagihan. Mereka juga perlu menyertai kempen-kempen wakaf supaya dapat mendalami perasaan gelandangan dan orang yang tidak berkemampuan bagi menghayati kesusahan masyarakat tersebut sekaligus menaikkan semangat mereka untuk berwakaf dan menarik orang ramai untuk berwakaf.

Selain itu, penulis mendapati sistem pelaporan dan pengauditan tidak diberi penekanan dalam pengurusan wakaf pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi. Responden VII menyatakan mengikut prinsip governan sistem pelaporan dan pengauditan amat penting dan perlu mengikut *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah disediakan objektif dan strategi. Dalam SOP tersebut perlu ada

sistem perakaunan yang betul dan dasar pengurusan audit untuk memastikan sistem perakaunan digunakan dengan betul dan tepat. Tujuan prinsip governan dilakukan adalah untuk meningkatkan keyakinan masyarakat. Jika governan lemah, maka keyakinan masyarakat akan berkurangan dan beliau menjelaskan hal ini dilihat berdasarkan kepada dapatan kajian-kajian yang lepas. Disamping itu, perlu juga ditubuhkan audit dalaman bagi institusi tersebut untuk dilaporkan kepada Lembaga Pengarah Universiti sebagai pemantauan sistem pengurusan. Selepas proses pengauditan selesai dilaksanakan, barulah institusi tersebut akan menghantar pelaporan kepada pewakaf.

Begitu juga dengan pandangan daripada Responden VII beliau menekankan bahawa sistem pelaporan dan pengauditan sangat penting berdasarkan kepada amalan yang dilakukan diinstitusi perbankan seperti berikut:

*“terdapat tiga level control audit. First line of defense – set up internal control based on risk, contohnya jika duit yang diterima tidak di rekod, berlaku ketirisan dan sebagainya. Second line of defense – syariah review untuk product development sepanjang tahun. Third line of defense – product development juga tapi audit sebelum hujung tahun. Line ini saling membantu antara satu sama lain.”*

Melalui penjelasan ini, beliau memaklumkan proses di atas amat sesuai dan bagus sekali untuk diterapkan didalam pengurusan wakaf pendidikan. Ini kerana wakaf berkaitan dan merupakan hak Allah, oleh itu sebagai pengurus harta wakaf, mereka perlu memastikan pengurusan wakaf wajib berlandaskan syariah. Sistem pengauditan dan pelaporan ini perlu bagi menjamin pengurusan wakaf benar-benar mengikut piawaian, standard dan undang-undang.

Penulis berpendapat cara pengurusan wakaf merupakan faktor utama bagi menjamin wakaf yang diterima dapat dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan berlandaskan kepada hukum syarak dan niat para pewakaf. Oleh itu, setiap Institusi Pengajian Tinggi perlu merancang dana melaksanakan strategi bagi memastikan pengurusan wakaf dapat dilakukan dengan sempurna serta dapat membuka mata masyarakat tentang kepentingan wakaf pendidikan pada masa kini.

#### **5.4 Halangan Lain**

Menurut Mohd. Ali Muhamad Don (2016), antara halangan lain dalam melaksanakan wakaf pendidikan di Malaysia ialah halangan perundangan. Sebagaimana kita maklum, pelaksanaan wakaf di Malaysia tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dimana enakmen tersebut memperuntukkan MAIN selaku pemegang tunggal wakaf di setiap Negeri. Contohnya Sek. 89 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Selangor Tahun 2003 telah memperuntukkan;

“Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal—

- (a) semua wakaf, sama ada wakaf ‘am atau wakaf khas;
- (b) semua nazr ‘am; dan
- (c) segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan Agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak”.

Hal ini menjelaskan bahawa MAIN satu-satunya institusi di Malaysia yang dibenarkan di sudut perundangan untuk menerima, mengumpul dan memanfaatkan dana wakaf untuk kepentingan umat

Islam. Oleh itu, sesebuah Institusi Pengajian Tinggi perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Majlis Agama Islam Negeri masing-masing selaku pemegang amanah tunggal waqaf seperti mana termaktub dalam undang-undang untuk mewujudkan dan melaksanakan wakaf pendidikan di institusi mereka.

Selain itu, menurut Ahmad Zaki Abdul Latiff, Norzaidi Mohd Daud dan Che Zuina Ismail (2008) terdapat beberapa halangan dan cabaran dalam pelaksanaan wakaf pendidikan iaitu:

- i. Cara pengurusan maklumat ICT juga merupakan cabaran untuk melaksanakan wakaf pendidikan di Malaysia kerana Institusi Pengajian Tinggi perlu memiliki sistem maklumat mengenai wakaf bagi tujuan kemaskini data dana wakaf yang diperolehi dan memastikan pewakaf dapat melihat dana yang disumbangkan dapat disalurkan ke tempat yang diniatkan.
- ii. Pengurusan sumber kewangan juga merupakan salah satu cabaran bagi melaksanakan wakaf pendidikan di Malaysia. Kebanyakan institusi pendidikan wakaf tidak mempunyai dana khas untuk membiayai kos operasi institusi pendidikan mereka. Selain itu juga, Salah satu sebab utama sumber kewangan institusi pendidikan wakaf di Malaysia tidak mencukupi kerana Kerajaan telah membuat keputusan memberhentikan bantuan khususnya bantuan per kapita mulai 2002. Oleh itu, Institusi Pengajian Tinggi harus berusaha dengan lebih gigih lagi untuk mendapatkan dana bagi memastikan institusi dapat berdiri teguh tanpa mengharapkan bantuan daripada kerajaan.

## 6.0 Kesimpulan

Wakaf amat berpotensi dalam membangunkan pendidikan sekiranya diuruskan oleh organisasi yang profesional dan mengamalkan budaya kerja Islam. Setiap institusi yang mengurus waqaf perlu mengamalkan kod etika khas dalam pengurusan waqaf untuk mencapai kecemerlangan sebagaimana institusi terdahulu adalah amat wajar diberi perhatian.

Terdapat banyak Institusi Pengajian Tinggi luar negara yang telah melaksanakan wakaf pendidikan sejak dahulu lagi dan institusi tersebut telah berjaya membuktikan bahawa sesebuah institusi dapat membangun dan bertahan sehingga hari ini walaupun hanya bergantung kepada sumbangan wakaf. Kebanyakan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia masih dalam proses untuk melaksanakan wakaf pendidikan berdasarkan kepada panduan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu *UniTP Purple Book*. Walaupun ia baru sahaja dilancarkan pada tahun 2016, terdapat universiti yang telah melaksanakan wakaf pendidikan di institusi mereka.

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan, penulis mendapati governan memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan sistem urus tadbir wakaf pendidikan di institusi dapat dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan. Segala cabaran atau halangan perlu dititikberatkan untuk menguruskan wakaf pendidikan agar hasrat pewakaf dapat dicapai dan dimanfaatkan sebaiknya untuk masa akan datang. Sesebuah organisasi memerlukan tenaga pakar dalam hal ehwal wakaf bagi memastikan kestabilan harta yang diwakafkan dapat dikembangkan melalui pelaburan seterusnya manfaat tersebut dapat diagihkan dengan betul dan mengikut hukum Syarak.

Selain itu, penulis mendapati sesebuah institusi perlu bekerjasama dalam mempromosi dan memasarkan wakaf pendidikan di dalam dan luar negara. Promosi bukan sahaja tanggungjawab

institusi yang melaksanakan wakaf pendidikan, akan tetapi ia juga merupakan tanggungjawab pihak yang bekerjasama dengan institusi tersebut bagi memastikan objektif wakaf ilmu tercapai sekaligus mengeratkan hubungan kerjasama antara institusi dan agensi yang terlibat dengan wakaf pendidikan. Sehubungan itu, wakaf pendidikan perlu memiliki governan yang teratur dan sistematik bagi memastikan sistem pengurusan wakaf pendidikan untuk Institusi Pengajian Tinggi dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan teratur berlandaskan kehendak dan keperluan Syarak.

## Rujukan

- Ahmad Zaki Abdul Latiff, Norzaidi Mohd Daud, Che Zuina Ismail. 2008. Pengurusan harta wakaf dan potensinya ke arah kemajuan pendidikan umat islam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. Vol. 2, No. 2: 25-55.
- Alan Bryman, Emma Bell. 2007. *Business Research Methods*. Oxford: Oxford University Press.
- Enhancing University Income Generation, Endowment & Waqf. University Transformation Programme, Purple Book.
- Maffuza Salleh, Noor Syahida Abdul Rahman. 2014. Wakaf Pendidikan di Malaysia: Satu Tinjauan. *International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014)*: 670-682.
- Mohd Ali Muhamad Don. 2016. Peranan wakaf untuk pembangunan pendidikan tinggi; sejarah silam dan pelaksanaan di Malaysia. *3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization ICASIC2016* (e-ISBN 978-967-0792-08-8): 188-194.
- Mohd Mizan Mohammad Aslam, Wan Mohd Dhayudeen & Helmy Wan Mohar. 2015. Kelestarian program akademik dan kewangan dalam pengajian tinggi Islam. *Journal Of Asian Islamic Higher Institutions (JAIHI)*. Vol 1 (1): 1-6.
- Mokhtar Ismail, Hairullfazli Muhammad Som, Mohd. Isa Mohd. Deni, Muna Sulaiman. 2015. Perkembangan wakaf pendidikan di Malaysia. *Proceedings of the International Conference on Waqf 2015 (ICW2015)*: 364-376.
- Noor Hisham Md Nawj, Burhan Che Daud. 2016. Sinergisme Konsep Wakaf Pendidikan dan Gagasan Keusahawanan Sosial Islam: Wasilah Pembangunan Komuniti Intelktual Mandiri. *Sinergisme Wakaf Pendidikan Tinggi di Malaysia*. ISBN: 978-967-13298-3-2. (t.tp): (t.pt).
- Norizan Hassan, Aisyah Abdul Rahman, Zaleha Yazid. 2013. Pengurusan dan pembangunan wakaf pendidikan: kajian kes di Selangor, Malaysia. *1st International Conference on Islamic Wealth Management*. ISBN: 978-979-9152-02-2: 386-406.
- Rusnadewi Abdul Rashid, Rohayati Hussin. 2014. Meneroka Dimensi Wakaf Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JWZH*. [https://www.academia.edu/14995647/MENEROKA\\_DIMENSI\\_WAKAF\\_INSTITUSI\\_PENDIDIKAN\\_TINGGI\\_DI\\_MALAYSIA-\\_2014?auto=download](https://www.academia.edu/14995647/MENEROKA_DIMENSI_WAKAF_INSTITUSI_PENDIDIKAN_TINGGI_DI_MALAYSIA-_2014?auto=download) [12 Mac 2016].
- Sahīh Muslim bi Syarh al-Imam Muhyi al-Din al- Nawāwī. Jil. VI, Kitāb al-Wasiyyah, Bāb Mā Yulhaqu al-Insān min al-Thawāb Ba'da Wafātih, hadith no. 4199. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Asmak Ab. Rahman, Mohd Izani Mohd Zain. 2008. Efektif governan dan pelaksanaannya dalam pentadbiran Islam. Jurnal Syariah. Jil. 16: 465-496.

Syed Mohd Ghazali Wafa. 2010. Pembangunan Wakaf Pendidikan di Malaysia. Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy: 137-152.

[www.fatihisultan.edu.tr/](http://www.fatihisultan.edu.tr/) [8 Februari 2016].